

21 NOV 2001
Agong-Media
SULTAN SALAHUDDIN - SULTAN YANG MESRA MEDIA

SINGAPURA, 21 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang mangkat hari ini dalam usia 75 tahun di Pusat Rawatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur, akan dikenang oleh wartawan Malaysia sebagai raja yang mesra media.

Selaku Sultan Selangor selama 41 tahun, baginda bebas bercakap dengan rakyat dan media.

Walaupun sedang gering, Seri Paduka tetap menonjolkan ciri-ciri mesra baginda dengan media.

Contohnya pada 10 Nov lepas, Seri Paduka nampak ceria dan bertitah baginda akan berangkat pulang ke tanah air pada 24 Nov selepas hampir dua bulan mendapat rawatan di situ.

Dalam pertemuan kira-kira 20 minit dengan wartawan daripada Bernama, RTM dan TV3 di hospital itu, Seri Paduka sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana mendoakan baginda pulih.

Seri Paduka juga tidak lupa menyampaikan ucapan "Selamat Deepavali" kepada masyarakat Hindu di Malaysia, ketika itu.

Seri Paduka bertitah kesihatannya telah pulih sedikit dan membolehkan baginda berangkat pulang.

Selera santapnya, titah Seri Paduka, juga berkurangan.

Pertemuan itu merupakan kali kedua Seri Paduka berkenan bertitah kepada wartawan Malaysia sejak berada di Singapura pada 19 Sept.

Apabila interbiu itu berakhir, Seri Paduka mengucapkan terima kasih kepada wartawan itu dan meminta pegawai Istana Negara memastikan mereka dihidangkan kopi.

Pada masa yang lain, Seri Paduka juga tidak keberatan memperkenankan jurugambar Bernama mengambil gambar ketika baginda dikunjungi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Tarikh 10 Nov itulah merupakan kali terakhir Seri Paduka berjumpa dengan media Malaysia.

Ketika itu Seri Paduka menerima menghadap Abdullah.

-- BERNAMA
TCL AHH LAT